

26 SEP 2000

Abdullah-Jepun/I

PAK LAH TEMUI MEDIA, AHLI PARLIMEN DAN TOKOH KORPORAT JEPUN

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TOKYO, 26 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja lima hari yang akan membolehkannya mengeratkan hubungan dengan para pemimpin, ahli parlimen, tokoh korporat dan wakil media Jepun.

Beliau akan menyampaikan ucapan pada satu simposium mengenai hubungan Asean-Jepun di sini esok dan pada hari Khamis menemui Perdana Menteri Jepun Yoshiro Mori, yang mengenali Abdullah ketika mereka masing-masing menjadi Menteri Pendidikan pada suatu ketika dahulu.

Duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohamed Noor berkata secara peribadi beliau bangga kerana Mori akan meraikan Abdullah pada satu jamuan malam walaupun Mori mempunyai jadual yang ketat dengan perasmian sesi baru Parlimen Jepun.

"Mori pernah menjadi Menteri Pendidikan dan saya fikir mereka bertemu buat kali pertama ketika Abdullah memegang jawatan Menteri Pendidikan...beliau (Mori) mengingatkan perkara itu," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan Abdullah di sini.

Abdullah, yang berada di sini atas jemputan Pusat Galakan Asean mengenai Perdagangan, Pelaburan dan Pelancongan (Pusat Asean), dijangka melahirkan pendapatnya mengenai hubungan masa depan antara Asean dan Jepun pada simposium itu yang dianjurkan oleh pusat berkenaan.

Malaysia adalah pengerusi majlis yang mentadbir Pusat Asean untuk tahun ini. Diwujudkan pada tahun 1981, objektif utama Pusat Asean adalah untuk menggalakkan eksport dari Asean ke Jepun, meningkatkan aliran pelaburan dari Jepun ke Asean dan menggalakkan rakyat Jepun melawat negara-negara Asean.

Kira-kira 500 orang dijangka menghadiri simposium itu yang akan membincangkan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi hubungan Asean-Jepun. Menteri Luar Jepun Yohei Kono dijangka hadir.

"Kono mungkin mahu mengadakan rundingan dua hala dengan Timbalan Perdana Menteri," kata Marzuki, yang menyifatkan hubungan Malaysia-Jepun sebagai amat baik.

Marzuki berkata Abdullah sebelum itu akan meninjau ke Tokyo Wan Aqua-line -- yang mencakupi separuh jambatan, separuh terowong yang menghubungkan Kawasaki dan Kisarazu di Teluk Tokyo di sini -- pada pagi esok.

Ia telah menjadi tarikan pelancong dengan kemudahan seperti restoran dan kompleks membeli-belah yang dibina di tengah-tengah lebuhraya sepanjang 15 kilometer itu.

Pada hari Khamis, Abdullah akan bertemu wakil media Jepun. Pada hari Jumaat beliau akan mengadakan pertemuan dengan anggota Liga Ahli Parlimen Jepun-Malaysia.

Beliau kemudian akan menemui anggota Keidanren, persatuan ekonomi yang berkuasa yang dianggotai tokoh-tokoh korporat Jepun dan melawat Pusat Multimedia Matsushita.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) melawat pusat itu baru-baru ini...ia bertujuan untuk menunjukkan kepada Timbalan Perdana Menteri mengenai teknologi dan peralatan elektronik tercanggih yang dihasilkan oleh Matsushita," katanya.

Marzuki berkata pertemuan dengan ahli parlimen, tokoh korporat dan wakil media Jepun akan membolehkan Abdullah untuk melihat sendiri keadaan semasa di Jepun selain memaklumkan kepada mereka mengenai keadaan di Malaysia.

Abdullah dijadual menemui pelajar Malaysia pada jamuan malam pada Jumaat sebelum berlepas pulang ke tanahair pada pagi Sabtu.

-- BERNAMA

AZZ AKD